

**KESEJAHTERAAN EKONOMI WARGA EMAS DI MALAYSIA :  
PERBEZAAN GENDER**  
(ECONOMIC WELL-BEING OF ELDERLY IN MALAYSIA: GENDER DIFFERENCE)

*NORLAILA ABU BAKAR, NOR AINI HJ. IDRIS & DORIS PADMINI SELAVARATNAM*

*ABSTRAK*

Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis kesejahteraan ekonomi di kalangan warga emas di Malaysia dari perspektif gender. Kertas kerja ini akan membincangkan hasil kaji selidik terhadap 1400 responden yang berumur enam puluh tahun ke atas. Permasalahan yang menjadi fokus utama adalah sumber pendapatan, kecukupan pendapatan, tabungan dan insurans untuk menampung keperluan hidup di usia emas. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jumlah dan min pendapatan antara warga emas lelaki dengan wanita. Peratusan warga emas wanita yang memperoleh pendapatan di bawah paras pendapatan garis kemiskinan (PGK) lebih tinggi daripada warga emas lelaki. Sumber pendapatan warga emas lelaki lebih tertumpu kepada pencen dan pendapatan melalui pekerjaan selepas bersara, manakala warga emas wanita lebih bergantung kepada sumber tidak formal seperti pemberian daripada anak-anak. Oleh itu dasar yang dirangka untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas perlu mengambilkira perbezaan gender.

*Kata kunci* : warga emas, kesejahteraan ekonomi, kemiskinan, perbezaan gender.

*ABSTRACT*

This paper intends to analyse the economic well-being among the elderly in Malaysia from gender perspective. This paper will discuss the result of surveys on 1400 respondents aged sixty and above. The focal point is the problems of income source, income adequacy, savings and insurance in supporting livelihood during the golden age. Result indicates that there is significant difference in the amount and mean income between the elderly men and women. The percentage of elderly women who have income below the National Poverty Line is higher than the elderly men. The source of income of the men is more on pension and employment, while the women are more on informal source such as gifts from their children. Thus, policies formulated in increasing the elderly quality of life must consider gender difference.

*Keywords*: elderly, economic well-being, poverty, gender difference

## **1. Pengenalan**

Jabatan Perangkaan Malaysia (2001) melaporkan bahawa terdapat 1.4 juta warga emas di Malaysia dan wanita merangkumi 52.3 peratus daripada jumlah tersebut. Jumlah yang lebih tinggi bagi warga emas wanita berpunca daripada jangka hayat wanita yang lebih tinggi berbanding lelaki, 75 tahun untuk wanita manakala 70 tahun untuk lelaki (Hamid et al. 2004). Manakala umur persaraan wajib di Malaysia adalah pada umur 58 tahun, antara yang terendah di Asia. Ini bermakna secara purata, jangkaan tempoh kehidupan selepas persaraan adalah lebih kurang 20 tahun. Dalam erti kata lain, warga emas yang telah bersara perlu mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi untuk menampung kos hidup yang semakin meningkat untuk jangka masa yang panjang.

Berdasarkan struktur umur penduduk di Malaysia, peratusan penduduk dalam usia emas (60 tahun ke atas) semakin meningkat. Warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas telah meningkat dari 4.6 peratus pada tahun 1991 kepada 5.3 peratus pada tahun 2005 dan dijangka meningkat kepada 8.0 peratus pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005). Peningkatan ini akan memberi kesan kepada beban tanggungan kepada anak-anak dan penyediaan keperluan kesihatan khususnya dalam bidang geriatrik. Keperluan perancangan penjagaan warga emas juga akan menjadi agenda utama memandangkan meningkatnya bilangan keluarga nuklear dan bertambahnya penglibatan wanita dalam tenaga buruh.

Tren kependudukan juga menunjukkan bahawa peratusan warga emas wanita lebih tinggi daripada warga emas lelaki. Pada masa yang sama data tentang kemiskinan juga menunjukkan wanita lebih terdedah kepada kemiskinan berbanding lelaki. Ini bermakna secara purata warga emas wanita hidup lebih lama berbanding warga emas lelaki, namun menghadapi masalah ketidakcukupan pendapatan untuk menyara hidup.

## 2. Kajian Literatur

Peningkatan jangka hayat penduduk telah menarik minat ahli ekonomi dan psikologi membuat pelbagai kajian mengenai golongan warga emas. Isu yang selalu difokuskan ialah mengenai kesihatan dan pendapatan. Warga emas sering dikategorikan sebagai 'economically vulnerable' disebabkan oleh pendapatan yang semakin berkurang selepas usia persaraan dan ketidakupayaan untuk bekerja atas alasan kesihatan yang tidak mengizinkan. Berdasarkan laporan Rancangan Malaysia Ke-8, isirumah yang diketuai oleh warga emas 65 tahun ke atas mengalami insiden kemiskinan yang tinggi iaitu 22.7 peratus. Kemungkinan untuk warga emas wanita hidup dalam kemiskinan adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada warga emas lelaki (Choudhry & Leonesio, 1997). Disamping itu, Jangka hayat wanita yang lebih panjang telah menyebabkan ketidakseimbangan dalam ratio gender di kalangan warga emas (Ofstedal et.al 2003). Kajian lepas juga telah menunjukkan bahawa golongan warga emas wanita lebih 'disadvantage' berbanding warga emas lelaki (Ofstedal et.al 2003, Radner 1993 dan Miller & Montalo 1998).

Kajian Jariah *et al.* (2006) cuba melihat hubungan di antara kecukupan pendapatan dengan status kesihatan golongan tua lelaki dan wanita. Kebanyakan dari 1776 warga emas yang dikaji didapati berada dalam kategori pendapatan rendah yang hanya cukup untuk memenuhi keperluan asas. Kajian tersebut merumuskan bahawa warga emas wanita yang berhadapan dengan masalah kesihatan terdiri dari mereka yang berpendapatan rendah. Sekiranya warga emas tinggal dengan anak, perbelanjaan perubatan adalah rendah berbanding dengan mereka yang tinggal bersendirian. Manakala kajian Ng dan Tey (2006) ke atas 1142 warga emas di bandar mendapati mereka yang sudah mencapai umur bersara bersedia untuk bekerja atau aktif di dalam aktiviti ekonomi sekiranya kesihatan mereka baik dan bagi yang tidak mempunyai sumber pendapatan, bekerja selepas bersara menjadi satu keperluan. Malah terdapat responden yang sanggup mempelajari teknologi baru dengan menghadiri latihan kemahiran atau kursus pra-persaraan semata-mata bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.

Satu aspek penting yang selalu diperkatakan apabila membincangkan isu warga emas ialah mengenai status ekonomi mereka. Satu kajian telah dilakukan untuk melihat status ekonomi golongan ini (lihat Tengku Aizan *et al.* 2006). Hasil kajian mendapati insiden kemiskinan di kalangan warga emas di Sabah ialah 21.7% (253 responden), Sarawak 34.3% (233 responden) dan Semenanjung Malaysia 33.6% (1841 responden). Peratusan ini boleh dianggap tinggi dan memerlukan perhatian yang sewajarnya dari pihak berwajib. Sumber utama pendapatan golongan tua yang dikaji ini adalah pelbagai iaitu dari upah (20.41%), sewa

(4.25%), sumbangan anak lelaki (60.68%), sumbangan anak wanita (43.45%), aktiviti pertanian (9.58%), sumbangan cucu (4.3%), pencen (17.8%), keuntungan perniagaan (8.25%), dividen atau royalti (1.42%) dan bonus (1.42%). Penemuan ini menggambarkan bahawa sebahagian besar warga emas yang dikaji bergantung kepada sumbangan kewangan dari anak-anak.

Mengikut Suraiya (2007), dunia persaraan selalunya diabaikan kerana menganggap masanya masih jauh dan kebanyakannya terlalu bergantung kepada wang pencen atau dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Apabila tiba saat persaraan, wang KWSP yang diterima digunakan untuk pelbagai tujuan sehingga tiada berbaki. Pihak KWSP melaporkan 72.0 peratus daripada penarum yang mengeluarkan wang simpanan mereka menghabiskannya dalam tempoh tiga tahun. Kesannya terdapat ramai pesara yang terpaksa bekerja semula terutamanya dari kalangan yang berpendapatan rendah. Mereka bekerja sebagai pengawal keselamatan, pembantu stesen minyak dan berniaga secara kecil-kecilan. Bagi menghadapi dunia persaraan, setiap individu yang bekerja harus menabung sekurang-kurangnya 10.0% daripada wang gaji setiap bulan. Individu yang bekerja dikatakan dapat bersara dengan selesa apabila mempunyai sekurang-kurangnya 70.0% daripada gaji bulanan diterima ketika bekerja.

Kajian oleh Jariah et.al 2008 terhadap 1,841 responden yang berumur anatar 55-75 tahun di Semenanjung Malaysia mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sumber dan jumlah pendapatan antara warga emas lelaki dengan warga emas wanita. Warga emas lelaki yang mempunyai pendapatan berpencen melaporkan min pendapatan yang lebih tinggi berbanding warga emas wanita. Pada masa yang sama, bagi warga emas yang tinggal berseorangan lebih terdedah kepada kemiskinan. Oleh itu warga emas wanita lebih banyak bergantung kepada bantuan daripada anak-anak dari segi kewangan dan sokongan sosial.

### 3. Hasil Kajian

Kajian ini merupakan kajian FRGS yang dibiayai oleh Kementerian Pangajian Tinggi. Perbincangan dalam bahagian ini adalah berdasarkan dapatan kaji selidik yang dilakukan ke atas 1400 warga emas di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak. Warga emas yang ditemubual berumur 60 tahun dan ke atas (menurut definisi PBB). Responden dipilih melalui kaedah *stratified random sampling* berdasarkan etnik dan strata. Jadual 1 memaparkan latar belakang responden berdasarkan gender, kumpulan umur, bangsa, status perkahwinan dan tahap pendidikan.

Jadual 1: Profil Responden

Perkara	Lelaki (%)	Wanita (%)
Kawasan		
Bandar	56.0	49.6
Luar Bandar	44.0	50.4
Kumpulan Umur		
60-64 tahun	46.2	44.3
65-69 tahun	25.4	26.2
70-74 tahun	18.1	17.4
75 +	10.3	12.1
Bangsa		
Melayu	52.3	57.7
Cina	32.7	29.7

India	7.4	6.3
Lain-lain	7.5	6.3
Status Perkahwinan		
Bujang	6.2	3.9
Berkahwin	78.6	52.7
Janda	0.0	43.4
Duda	15.2	0.0
Tahap Pendidikan		
Tidak bersekolah	18.2	36.7
Sekolah rendah	37.1	42.2
Sekolah menengah	32.1	14.5
Diploma/Ijazah	11.1	5.6
Lain-lain	1.5	1.0

Sumber: Kaji selidik 2007-2008

Daripada 1400 responden yang ditemubual, 49.5 peratus merupakan warga emas lelaki dan 50.5 peratus warga emas wanita. Majoriti daripada responden sama ada lelaki atau wanita berada dalam kumpulan umur antara 60-69 tahun. Dari segi tingkat pendidikan, wujud perbezaan yang ketara antara responden lelaki dan wanita bagi kategori tidak bersekolah (18.2% lelaki, 36.7% wanita), kategori sekolah menengah dan peringkat diploma/ijazah. Tingkat pendidikan yang lebih tinggi di kalangan responden lelaki membolehkan mereka memperoleh pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan yang lebih tinggi berbanding responden wanita.

Kesejahteraan ekonomi dalam konteks warga emas dilihat dalam tiga aspek utama. Aspek pertama melibatkan kecukupan pendapatan untuk memenuhi keperluan hidup seharian (dibandingkan dengan PGK), tabungan semasa dan pemilikan insurans kesihatan serta insurans hayat. Dapatan ini penting untuk memberi gambaran kepada penggubal dasar tentang keperluan sebenar warga emas di Malaysia terutamanya dari segi perbezaan gender.

### 3.1 Jenis Pekerjaan Sebelum dan Selepas Usia Enam Puluh Tahun

Secara keseluruhan kajian mendapati peratusan responden lelaki yang menceburi bidang pekerjaan lebih tinggi berbanding responden wanita. Bagi jenis pekerjaan sebelum usia 60 tahun, wujud perbezaan yang ketara dari segi peratusan responden yang bekerja dengan sektor kerajaan di mana 31.9 peratus melibatkan responden lelaki manakala hanya 8.7 peratus melibatkan responden wanita. Ini memberi kesan yang penting terhadap pendapatan berpencen selepas bersara. Begitu juga dengan pekerjaan disektor swasta, responden lelaki lebih mendominasi berbanding responden wanita (rujuk jadual 2). Implikasinya pendapatan selepas persaraan lebih terjamin bagi responden lelaki dalam bentuk KWSP. Selepas usia 60 tahun, peratusan responden yang masih bekerja kekal tinggi iaitu 51.14 peratus bagi responden lelaki, manakala agak rendah iaitu 24.9 peratus bagi responden wanita. Antara sebab yang diberikan untuk mereka terus bekerja walaupun umur sudah melepasi 60 tahun adalah mereka masih mampu bekerja, pendapatan yang tidak mencukupi dan untuk mengisi masa lapang.

Jadual 2: Taburan Responden Lelaki dan Wanita Mengikut Jenis Pekerjaan Sebelum dan Selepas Usia 60 Tahun

Perkara	Lelaki (%)	Wanita (%)
<i>Pekerjaan sebelum usia 60 tahun</i>		
Bekerja dengan kerajaan	31.9	8.7
Bekerja dengan swasta	30.0	19.9
Bekerja sendiri	34.7	27.7
Suri rumah	0.8	39.5
Lain-lain (menjaga cucu, mengasuh anak jiran)	2.6	4.2
<i>Pekerjaan selepas usia 60 tahun</i>		
Bekerja dengan kerajaan	1.7	1.6
Bekerja dengan swasta	10.5	2.9
Bekerja sendiri	38.9	20.4
Tidak bekerja	23.6	27.2
Suri rumah	0.00	37.7
Pencen	21.3	6.7
Lain-lain (menjaga cucu, mengasuh anak jiran)	4.0	3.5

Sumber: Kaji selidik 2007-2008

### 3.2 Pendapatan Sebelum dan Selepas Usia Enam Puluh Tahun

Pendapatan yang diperolehi merupakan kayu ukur utama kepada kuasa ekonomi seseorang. Menurut Ofstedal et. al.(2003), kesejahteraan ekonomi warga emas boleh dinilai berdasarkan tingkat pendapatan, sumber pendapatan, hakmilik keatas harta atau asset dan kecukupan pendapatan. Untuk pendapatan sebelum usia 60 tahun, didapati 59.7 peratus responden wanita dan 18.6 peratus responden lelaki memperoleh pendapatan kurang daripada RM691 sebulan. Ini bermakna hampir 60 peratus daripada responden wanita memperoleh pendapatan di bawah pendapatan garis kemiskinan (PGK) iaitu mengalami kemiskinan mutlak. Selepas usia 60 tahun, terdapat peningkatan yang ketara dalam peratusan responden yang mempunyai pendapatan di bawah garis kemiskinan iaitu dari 59.7 peratus kepada 71.3 peratus bagi responden wanita dan dari 18.6 peratus kepada 49.6 peratus bagi responden lelaki. Kajian juga mendapati majoriti responden yang mengalami kemiskinan mutlak adalah mereka yang tinggal di luar bandar. Keadaan ini perlu diberi perhatian, kerana dengan peningkatan jangka hayat bermakna responden terpaksa hidup tanpa keperluan asas yang mencukupi untuk satu tempoh yang panjang. Ini akan memberi kesan khususnya kepada tahap kesihatan dan kualiti hidup warga emas secara keseluruhan.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Pendapatan Sebulan Sebelum dan Selepas Usia 60 Tahun (%)

Kategori Pendapatan (RM)	Sebelum usia 60 tahun (%)		Selepas usia 60 tahun (%)	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
≤ 691	18.6	59.8	49.6	75.0
692-1191	20.5	17.3	18.7	13.8
1192-1691	18.1	7.8	11.8	3.9
1692-2191	17.8	6.3	7.6	3.1
2192-2691	5.2	1.5	3.2	0.3
2692-3191	9.3	2.9	3.8	1.4
>3191	10.5	4.4	5.3	2.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Kaji selidik 2007-2008

Selain daripada perbezaan dalam tingkat pendapatan, terdapat perbezaan yang ketara dari segi min pendapatan antara responden lelaki dengan wanita. Min pendapatan sebulan sebelum usia 60 tahun adalah RM2613.42 bagi responden lelaki dan RM904.48 bagi responden wanita. Ini bermakna min pendapatan responden wanita hanya satu pertiga daripada responden lelaki. Manakala min pendapatan sebulan selepas usia 60 tahun adalah RM1808.28 bagi responden lelaki dan RM666.75 bagi responden wanita. Perbezaan ini berpunca daripada kurangnya penglibatan responden wanita dalam sektor pekerjaan formal. Dengan tahap pendidikan yang rendah sebahagian besar daripada responden wanita bekerja sendiri sama ada diladang/dikedai secara kecil-kecilan, membantu perniagaan/perusahaan suami atau menjadi suri rumah. Ini menyebabkan mereka tidak mendapat pendapatan tetap secara formal dan lebih terdedah kepada kemiskinan. Keadaan ini berterusan sehingga melepasi usia 60 tahun di mana mereka tidak dapat bergantung kepada pendapatan tetap/formal seperti pencen atau KWSP.

### **3.3 Jumlah Tabungan Terkumpul Selepas Usia Enam Puluh Tahun**

Keputusan warga emas yang telah bersara untuk bekerja semula mempunyai hubungan dengan ketidakcukupan wang pencen dan tabungan. Keupayaan untuk menabung semasa muda atau semasa masih bekerja bergantung kepada tingkat pendapatan yang diperolehi, jumlah tanggungan dan sikap/kesedaran untuk menabung. Nilai-p bagi Ujian Chi-Kuadua iaitu 0.000 lebih kecil daripada aras keertian 5.0% menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah jumlah pendapatan sebulan sebelum usia 60 tahun dengan jumlah tabungan semasa. Dalam erti kata lain jumlah tabungan selepas persaraan amat dipengaruhi oleh tingkat pendapatan yang diperolehi semasa masih bekerja.

Daripada temubual yang dijalankan didapati 22.6 peratus responden lelaki dan 25.0 peratus responden wanita tidak mempunyai sebarang tabungan langsung. Ini kerana sejak dari usia muda, golongan ini hidup di bawah paras kemiskinan. Pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi untuk menampung kos hidup seharian. Majoriti daripada mereka masih bekerja walaupun usia sudah melebihi 60 tahun dan sebahagian daripada mereka ditanggung oleh anak-anak.

Kajian mendapati warga emas lelaki lebih berupaya untuk menabung. Sebahagian besar daripada tabungan merangkumi tabungan di Tabung Haji dan tabungan di bank. Berdasarkan temubual didapati 18.8 peratus responden lelaki dan 25.6 peratus responden wanita mempunyai jumlah tabungan antara RM1000-RM5000. Manakala 59.3 peratus responden lelaki dan 49.1 peratus responden wanita memiliki tabungan melebihi RM5000. Sebahagian besar daripada sumber tabungan responden lelaki berpunca daripada pendapatan yang diperolehi daripada pekerjaan, manakala sumber tabungan bagi responden wanita adalah daripada pemberian anak-anak.

### **3.4 Insurans Kesihatan dan Insurans Hayat**

Pemilikan insurans boleh dikatakan sebagai salah satu bentuk jaminan di hari tua. Di negara maju, pemilikan insurans adalah satu kemestian bagi rakyatnya untuk menjamin kualiti hidup yang baik kepada pemegang polisi ataupun warisnya. Namun begitu bagi negara membangun khususnya Malaysia, kesedaran terhadap perlunya insurans kesihatan dan hayat amat rendah. Keadaan ini terbukti apabila secara keseluruhan hanya 18.6% telah memiliki insurans kesihatan dan selebihnya tidak. Manakala bagi insurans hayat hanya 18.0% yang telah memilikinya berbanding 82.0% yang tidak memiliki insurans hayat. Secara keseluruhan,

peratus pemilikan insurans kesihatan dan hayat lebih tinggi bagi warga emas yang tinggal dibandar berbanding dengan luar Bandar. Manakala dari segi bangsa, di dapati warga emas berbangsa Cina dan India mempunyai peratusan pemilikan kedua-dua jenis insurans yang lebih tinggi berbanding bangsa Melayu iaitu masing-masing 33.1% dan 27.9% bagi insurans kesihatan, 30.4% dan 29.7% bagi insurans hayat. Kadar pemilikan insurans kesihatan dan insurans hayat adalah agak rendah di kalangan responden Melayu iaitu masing-masing 12.1% dan 13.0%.

Dari segi gender, peratusan pemilikan insurans adalah lebih tinggi bagi responden lelaki iaitu 25 peratus insurans kesihatan dan 27 peratus bagi insurans hayat. Manakala bagi responden wanita, hanya 14 peratus telah memiliki insurans kesihatan dan 15 memiliki insurans hayat. Dapatan ini mengesahkan bahawa kecenderungan untuk membeli insurans berhubung positif dengan pendapatan yang diperoleh semasa bekerja sebelum umur persaraan. Pendapatan yang rendah di kalangan responden wanita menyebabkan mereka tidak mampu untuk membeli insurans walaupun mereka sedar tentang kepentingannya.

Secara keseluruhan dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran tentang pentingnya untuk memiliki insurans khususnya insurans kesihatan semasa mereka masih bekerja amat rendah baik di kalangan responden lelaki mahupun wanita. Majoriti responden memberikan alasan kurangnya pengetahuan dan maklumat berkaitan insurans serta tidak mampu untuk membeli insurans terbabit. Alasan yang diberi responden ada benarnya kerana galakan untuk membeli insurans mula dipromosikan sekitar tahun 1990-an. Tambahan pula majoriti responden yang ditemui telah berusia lanjut yang mungkin terlambat untuk membeli insurans tersebut ditambah dengan kekangan pendapatan yang dihadapi selepas bersara. Sebahagian daripada responden yang memiliki insurans adalah atas pemberian anak-anak yang sedar tentang kepentingan aset ini.

Jadual 4: Peratusan Pengambilan Insurans Kesihatan dan Insurans Hayat Bagi Responden Lelaki dan Wanita

Jenis Insurans	Lelaki (%)	Wanita (%)
Insurans Kesihatan	25	14
Insurans Hayat	27	15

Sumber: Kaji selidik 2007-2008

### 3.5 Masalah Utama Dan Bantuan Yang Diperlukan

Masalah kesihatan dan pendapatan tidak mencukupi merupakan dua masalah utama yang dihadapi oleh responden sama ada lelaki atau wanita. Antara masalah kesihatan utama yang dihadapi adalah penyakit darah tinggi, kencing manis dan sakit tua. Masalah pendapatan yang tidak cukup lebih ketara bagi responden yang masih menanggung anak-anak dan mempunyai pinjaman yang belum dilangsaikan. Berikutan dengan itu bantuan kesihatan merupakan bantuan yang paling diperlukan (46.9% responden lelaki dan 49.3% responden wanita). Antaranya adalah bantuan untuk membiayai pembelian ubat dan membiayai rawatan sakit yang serius dan juga pembiayaan untuk pemeriksaan berkala. Ini diikuti dengan bantuan kewangan di mana lebih kurang empat puluh tiga peratus responden memerlukan bantuan kewangan terutamanya untuk membiayai keperluan harian anak-anak yang masih dalam tanggungan dan melangsaikan baki hutang dari pinjaman yang belum selesai.

## 4. Rumusan Dan Implikasi Dasar

Secara perbandingan, kajian mendapati bahawa golongan warga emas wanita lebih terdedah kepada insiden kemiskinan. Ini berpunca daripada tahap pendidikan yang rendah dan kurangnya penglibatan mereka dalam sektor pekerjaan formal. Sumber pendapatan warga emas wanita lebih tertumpu kepada pemberian anak-anak, manakala sumber pendapatan warga emas lelaki lebih tertumpu kepada pendapatan melalui pekerjaan selepas persaraan dan pencen. Kajian juga mendapati hampir lima puluh peratus warga emas lelaki dan tujuh puluh lima peratus warga emas wanita hidup dengan pendapatan bulanan di bawah garis kemiskinan. Ini bermakna mereka terpaksa berjimat cermat dengan pendapatan yang sedia rendah untuk satu jangka masa yang panjang dengan kos hidup yang sentiasa meningkat. Selain daripada pendapatan yang rendah selepas persaraan, tabungan yang dimiliki juga tidak mencukupi untuk menampung hidup dalam jangka masa panjang. Keadaan ini menjadi lebih kritikal apabila majoriti responden tidak memiliki insurans kesihatan bagi menampung keperluan pembiayaan kesihatan.

Hasil daripada dapatan tersebut memberi implikasi bahawa generasi sekarang dan akan datang perlu diberi kesedaran tentang pentingnya memiliki tabungan yang mencukupi dan insurans khususnya insurans kesihatan. Dari segi dasar, insentif kepada anak-anak untuk membantu ibu-bapa dari segi kewangan, psikologi dan emosi perlu dipertingkatkan. Memandangkan majoriti daripada mereka yang telah bersara masih mampu bekerja, program-program yang di rancang untuk membantu golongan ini semestinya boleh menjana pendapatan yang stabil dalam jangka masa panjang. Dari segi gender, dasar yang dirangka untuk meningkatkan kualiti hidup warga emas perlu mengambilkira perbezaan gender.

## Rujukan

- Choudhury, S & Leonesio, M.V. 1997. Life Cycle Aspects Of Poverty Among Older Women. *Social Security Bulletin*. 60(2).17-36.
- Hamid, T. A., Masud, J., & Chai, S.T. 2004. Socio Economic Status Of Older Malaysians : A Gender Comparison. *Malaysian Journal Of family Studies*, 1(1), 54-69.
- Jariah, M, Sharipah, A,H. & Tengku Aizan, H. 1993. "Percieved Income Adequacy and Health Status among Older Persons in Malaysia". *Asia-Pacific Journal of Public Health*, Vol.18. Supplement.
- Jariah, M, Sharipah, A.H & Lucy Wamuyu Gikonyo. 2008. Gender Differences in Income Sources of the Elderly in Peninsular Malaysia. *Journal of Family and Economic Issues*,29 :623-633.
- Miller, C.J., & Montalto, P.C. 1998. Comparison of Economic Status of Elderly Households : Non Metropolitan Versus Metropolitan. *Family Economics and Nutrition Review*, 11(4), 19-29.
- Ng,S.T. & Tey, N.P. 2006. "Retirement and Percieved Health Status of the Urban Erdely". *Asia-Pacific Journal of Public Health*, Vol. 18, Supplement.
- Ofstedal, M.B., Knodel, J., & Reidy, E.2003. *Gender Differences in Economic Support and Well-Being of Older Asians*. Ann Arbor, Mi : University of Michigan Press.
- Radner, D.B. 1993. Economic Well-Being of the Old-Old : Family Unit Income and Household Wealth. *Social Security Bulletin* (No.58).
- Sharifah Azizah, H, Nurizan, Y., Laily, P,m Tengku Aizan, H., Zumilah, Z., Ma'rof, R., Sharifah Norazizan S.A.R., & Asnarulkhadi, A.S. 2006. "Living Arrangements Of Older Persons on Welfare: Implications on Health, Economic Well Being and Life Satisfaction". *Asia-Pacific Journal of Public Health*, Vol. 18, Supplement.
- Suraiya Mohd Nor. 2007. "Melabur untuk Persaraan", *Berita Harian*, 28 Ogos.
- Tengku Aizan, H, Zaiton, A, Sharifah Norazizan & Mohmad, S. 2006. *Older Population and Health Care System in Malaysia: A Country Profile*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia Press.